

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' Ir. HAJI MOHAMAD ZULKEFLY BIN SULAIMAN
SEMPENA
MAJLIS PERJUMPAAN
KETUA PENGARAH KERJA RAYA
BERSAMA
WARGA JABATAN KERJA RAYA
17 OGOS 2020 (ISNIN)
8.30 PAGI
DEWAN TAN SRI MAHFUZ KHALID

Yang Berusaha Ir. Haji Zulakmal bin Haji Sufian
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Infra)

Yang Berusaha Ir. Razdwan bin Kasim
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

Yang Berbahagia Datin Ar. Hajjah Mariani Noor binti Suhud
Pengarah Kanan, Cawangan Arkitek menjalankan tugas
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)

Pengarah-Pengarah Kanan

Pengarah – Pengarah Cawangan

Pengarah – Pengarah Negeri

Pengarah – Pengarah Bahagian

Ketua- Ketua Bahagian

dan

Warga Jabatan Kerja Raya yang saya kasihi sekalian.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Segala puji-pujian kepada Allah Taala, selawat dan salam kepada junjungan besar kita, Nabi Muhammad Salallahualaihi Wassalam. Alhamdulillah dan syukur atas segala nikmat, kurnia dan izinNya jua, kita masih diberi peluang dan kesempatan untuk berkumpul bersama-sama sempena Majlis Perhimpunan Warga JKR bersama Ketua Pengarah Kerja Raya pada hari ini.

2. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kepimpinan pengurusan tertinggi Kementerian Kerja Raya atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk menerajui Jabatan Kerja Raya. Pelantikan ini satu amanah besar yang harus digalas oleh saya, dan saya berdoa agar setiap kerja yang dilaksanakan dapat dijayakan dengan sebaik mungkin.

3. Mengambil kesempatan di sini, saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada YBrs. Ir. Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid, mantan Ketua Pengarah Kerja Raya yang telah menerajui jabatan dengan penuh dedikasi. Jutaan terima kasih juga kepada YBrs. Tuan Haji Zulakmal bin Haji Sufian kerana menjalankan tugas dengan cemerlang sepanjang menanggung kerja Ketua Pengarah Kerja Raya terutamanya dalam tempoh getir PKP ini serta tahniah kerana telah disahkan ke gred jawatan JUSA A.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Majlis ini merupakan yang pertama bagi diri saya bertemu dengan warga JKR setelah dilantik secara rasmi sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya, berkuatkuasa 24 Julai 2020. Jika dihitung hari, ini adalah hari ke-25 saya menerajui JKR Malaysia.

JKR DAHULU DAN KINI

5. Masa beredar begitu pantas tanpa disedari, Jabatan Kerja Raya juga telah pun meniti usia 163 tahun. Melihat kepada angka tersebut, ia **seharusnya mencerminkan kematangan JKR** sebagai pemain utama dalam industri pembinaan, serta sebagai agensi penasihat teknikal negara. Pada usia 163 tahun, ia dilihat suatu **tempoh masa yang sangat lama bagi sesebuah organisasi bertapak dan kekal kukuh berdiri**. Kukuhnya sesebuah organisasi itu adalah bertunjangkan kepada keupayaan warganya untuk cemerlang dan kompeten, inovatif dan kreatif serta terus menjadi organisasi rujukan dalam bidang kepakarannya. Alhamdulillah, JKR sehingga hari ini masih mampu berperanan sebagai agensi teknikal utama Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur dan prasarana utama negara, menguruskan aset dan sebagai penasihat teknikal kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Untuk perkongsian bersama jua, sasaran yang telah ditetapkan kepada JKR iaitu untuk mengiklankan projek pada bulan Jun dan Julai telah pun melebihi sasaran yang ditetapkan. Pada bulan Jun 2020, sebanyak 116 projek berjaya diiklankan berbanding 88 projek yang dijangka untuk diiklankan manakala pada bulan Julai 2020, sebanyak 58 projek yang telah diiklankan berbanding 56 yang dijangka diiklankan. Mengambil kesempatan di sini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga kerja jabatan atas pencapaian yang amat memberangsangkan ini. Kekalkan momentum ini dan pastikan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) dipercepatkan supaya pihak kontraktor dapat memulakan kerja dengan kadar segera dan peruntukan semasa dapat dibelanjakan dengan segera.

7. Pada masa dahulu, **JKR terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan negara**. Sebagai contoh, pembinaan Stadium Merdeka yang bermula pada tahun 1956, telah dapat disiapkan dalam tempoh setahun sahaja. Begitu juga dengan pembinaan Bangunan Parlimen dari 1962 hingga 1963, Masjid dan Tugu Negara, Empangan *Klang Gate* dan Jalan Raya Timur Barat daripada Grik, Perak ke Jeli, Kelantan yang mempunyai sejarahnya tersendiri, dan lain projek-projek ikonik dan berskala mega, adalah antaranya dilaksanakan secara *hands-on* oleh JKR.

8. Setiap projek bermula dengan sebuah imaginasi dan angan-angan sehingga terbitlah harapan, bermula dengan harapan, terus menggapai realiti dan kenyataan. Bermula dari draf konsep dan skop kerja, diikuti dengan lakaran kasar dan ilustrasi oleh arkitek, dan diterjemahkan kepada rekabentuk pembinaan yang berakhir sebagai sebuah struktur yang siap untuk digunakan, **secara keseluruhannya dilaksanakan sendiri oleh JKR**. Saat itu, **JKR dipandang tinggi sebagai penasihat** teknikal dengan mempunyai wakil dalam jawatankuasa-jawatankuasa penting di peringkat kebangsaan dan negara.

Para hadirin sekalian,

9. Evolusi masa begitu laju bergerak, cabaran demi cabaran serta harapan kepada JKR berubah disebabkan kepesatan pembangunan, kepelbagaian keperluan, dan bajet yang jauh lebih besar. **JKR perlu terus berubah dan mengadaptasi kepada keadaan semasa** untuk terus meneraju sebagai pemegang amanah kerajaan agar segala fasiliti dan prasarana awam memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat. Hasil kerja yang telah mengharumkan nama JKR lebih 163 tahun, perlu diteruskan kepada cara kerja yang lebih kreatif dan berinovasi, cekap dan produktiviti, tetapi tetap memelihara alam sekitar serta cekap tenaga.

10. Kini, hakikat yang kita perlu telan, imej JKR telah tercalar sedikit demi sedikit hingga menggugat reputasi jabatan yang kita sayangi ini. Ini kerana wujudnya beberapa isu yang menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat dalam sistem penyampaian perkhidmatan kita. **Ini dapat dilihat melalui persepsi negatif** yang terpapar di dada akhbar, di kaca televisyen dan viral media sosial, akibat dari kelemahan kita di dalam pelaksanaan beberapa projek popular serta pengurusan penyelenggaraan jalan dan fasiliti. Kritikan-kritikan seumpama ini secara perlahan telah **menenggelamkan kredibiliti JKR**, sehingga timbul usaha mewujudkan agensi pelaksana kerajaan lain untuk bersaing dengan JKR.

11. Justeru, kita perlu berusaha menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan agar segala kerja yang diuruskan dapat disempurnakan sebaik mungkin. Kita perlu mempraktikkan budaya kesegeraan dan sentiasa bersiap siaga dalam melaksanakan kerja yang diamanahkan. Maksudnya, kerja yang boleh disiapkan hari ini, siapkanlah pada hari ini. Tambahan lagi, dalam urusan kerja, kita perlu berintegriti dan telus serta mematuhi SOP yang telah digariskan. Saya menyeru supaya warga kerja Jabatan memiliki etika kerja yang baik dan mengamalkan nilai-nilai integriti dalam diri kita sebagai penjawat awam mahu pun sebagai orang awam. Jangan kerana nila setitik, habis rosak susu sebelanga.

12. Dalam penyampaian perkhidmatan, menjadi tanggungjawab kita untuk mengutamakan kepuasan pelanggan atau memenuhi ekpektasi pelanggan. Namun begitu, terdapat limitasi terhadap kehendak pelanggan yang perlu kita perhalusi. Contohnya, selepas rekabentuk konsep disahkan oleh pelanggan, tiada lagi pindaan rekabentuk yang boleh dipertimbang kerana akan melewati pelaksanaan projek serta menyebabkan pertambahan kos. Berkemungkinan, sekiranya kita tidak dapat kelulusan untuk pertambahan kos, projek akan ditangguh atau lebih teruk lagi akan dimansuhkan. Oleh itu, ia memerlukan kebijaksanaan tuan-tuan dan puan-puan untuk melihat, menilai dan membuat keputusan. Warga kerja juga perlu bekerjasama, bersepakat dan mengadakan musyawarah dalam menyampaikan perkhidmatan supaya dapat memberikan keberhasilan kerja yang berkualiti dan efisien. Jadikan setiap aduan yang diterima sebagai 'hadiah', bukannya sebagai satu kelemahan. "Complaint as a gift, not a curse", jadi, sama-samalah kita bermuhasabah diri demi kebaikan Jabatan.

13. Justeru, marilah kita berganding bahu, saling menyokong bagi memastikan kewujudan JKR yang sudah melebihi 100 tahun ini, terus utuh, disegani dan kekal relevan. **Faktor kejayaan masa lalu seharusnya dikaji, dan dijadikan panduan untuk mengenalpasti kelemahan kita masa kini serta membangkitkan semula semangat dan *passion* warga untuk memacu jabatan ke arah kecemerlangan berterusan.**

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

COVID -19

14. Pada tahun ini seantero dunia dilanda dengan wabak Novel Coronavirus, ringkasnya disebut COVID-19. Penularan wabak ini amat cepat sehingga menyebabkan banyak negara mengisytiharkan darurat kerana peningkatan kes yang amat tinggi dan melibatkan kes kematian yang amat besar. Rentetan itu, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac -31 Mac 2020 (fasa 1), 1 April-14 April 2020 (fasa 2), 15 April 2020- 28 April 2020 (fasa 3), 29 April 2020-12 Mei 2020 (fasa 4). Pada 1 Mei 2020, YAB Perdana Menteri mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi menggantikan PKP yang dilaksanakan sejak 18 Mac yang lalu. PKPB ini bermula pada 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020 dan akhirnya diteruskan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan bermula pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020.

15. Merujuk kepada statistik terkini kes COVID-19 sehingga 9 Ogos 2020, jumlah keseluruhan kes adalah sebanyak 9083 kes, kes sembuh sebanyak 8784 manakala melibatkan 125 kes kematian.

16. Jabatan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan kaedah bagi membendung penularan wabak ini seperti mengimbas bacaan suhu setiap warga kerja dan pelawat di premis JKR, penggunaan pelitup muka, sanitasi di ruang kerja dan tempat-tempat awam di dalam premis. Warga kerja juga diingatkan untuk mengamalkan budaya norma baharu, yang pastinya, akan menjadi amalan kebiasaan buat warga sepanjang berada di premis JKR

mahupun di luar premis agar kita sama-sama dapat membantu kerajaan menangani wabak COVID-19 ini.

17. Seperti kita sedia maklum, Jabatan berdepan dengan cabaran getir dalam melaksanakan projek-projek yang telah dirancang akibat penularan COVID-19. Banyak kerja-kerja projek yang terpaksa ditangguhkan dan penutupan tapak bina buat seketika waktu, dan ini pastinya, memberi kesan kepada kelancaran projek terutamanya dari segi aspek pengurusan masa atau tempoh masa projek siap. Walau bagaimanapun, saya percaya kita akan berjaya mengharungi masa sukar tersebut dan akan kembali kepada landasan seperti yang direncanakan, Insya Allah. Buat masa sekarang, setiap tapak bina projek wajib mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan sebagai pengurus projek, warga JKR perlu peka akan setiap peraturan yang telah ditetapkan agar kita sama-sama dapat membendung COVID-19.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

HALA TUJU JABATAN

18. Pelan Strategik Jabatan yang biasanya dirangka lima (5) tahun sekali merupakan kitab dan panduan asas dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang sepertimana ekpektasi pelanggan. Justeru, warga kerja raya harus menghayati dan memahami Pelan Strategik JKR Malaysia 2016-2020 yang menggariskan lima (5) tema strategik iaitu Kecemerlangan Penyampaian Projek, Pengalaman Ko-Kreatif Bersama Pelanggan, Pusat Kecemerlangan Teknikal, Memacu Kelestarian dan Organisasi Inovatif. Semua perkara yang dirancang dan yang hendak diterapkan perlu berteraskan kepada Pelan Strategik JKR ini.

19. Melalui Pelan Strategik Jabatan, ia membantu warga kerja untuk berada di landasan yang betul agar Visi Jabatan untuk menjadi pemberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat Kecemerlangan dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan Kejuruteraan demi pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.

20. Justeru, sebagai agensi teknikal utama negara, JKR perlu lebih fokus dalam menjadi peneraju serta pemimpin dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan. Semua kakitangan JKR dari peringkat pengurusan atasan hingga kakitangan sokongan perlu memberi tumpuan dalam memperelok dan meninggikan imej JKR untuk merekayasa JKR sebagai agensi teknikal negara di dalam zaman yang serba mencabar ini.

Para hadirin sekalian,

PENGURUSAN ASET

21. Seajar dengan pemerkasaan Jabatan sebagai agensi teknikal negara dan menjadi pusat rujukan agensi Kerajaan dalam pengurusan penyenggaraan terutama pelaksanaan kontrak pengurusan fasiliti, perkara asas yang perlu dititikberatkan adalah:

- i. Memperkasa Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK)
 - Pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) pada 24 Ogos 2007 yang dipengerusikan oleh KSN sendiri. JKR telah dilantik untuk setia bagi membantu merealisasikan pelaksanaan pengurusan aset Kerajaan kerana berkepakaran dalam bidang aset infrastruktur seperti bangunan, jalan, cerun dan lain-lain.
 - JPAK juga bertindak sebagai platform untuk memantau, memohon peruntukan dan memastikan penyenggaraan aset-aset kerajaan dilaksanakan dengan lancar.

- ii. Membuat perancangan dan pelaksanaan semua fasa kitaran aset berasaskan *informed decision*. Sebagai contoh, dalam menganalisis data menggunakan perisian MyGOS iaitu membuat pemetaan dengan pantas secara atas talian, MySPATA – memantau pengurusan aset kerajaan, BIM, BCARS dan lain-lain. Selain itu, ia juga membantu dalam pelaporan tahap keadaan bangunan bagi permohonan peruntukan penyenggaraan bangunan yang lebih berfokus.
- iii. Menjalinkan kolaborasi strategik dengan Pertubuhan dan Agensi /Jabatan Kerajaan lain seperti The Malaysian Asset and Project Management (MAPMA), Pusat Geospatial Negara dan lain-lain agensi yang berkaitan.

22. Selain itu, dalam menguruskan projek, warga Jabatan perlu merujuk dan mematuhi Piagam Pelanggan Jabatan dalam pelaksanaan projek. Piagam Pelanggan perlu dijadikan panduan asas agar dapat menghindarkan dari wujudnya sebarang permasalahan. Warga Jabatan perlu bergerak pantas supaya setanding dengan pemain industri di luar. Bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan Pra-Kontrak iaitu fasa Perancangan, Rekabentuk dan Perolehan, Jabatan telah membudayakan penggunaan Pre-Approve Plan (PAP) dan BIM. Penggunaan PAP dan BIM ini dapat mengurangkan birokrasi dalaman, seterusnya amat bagus bagi memastikan kelancaran projek. Gerak kerja juga perlu dilaksanakan sebagai satu pasukan dan elakkan bekerja secara ‘*silo*’. Usaha membudayakan BIM dalam pelaksanaan projek-projek jabatan, harus dibuat berterusan, agar kita tidak ketinggalan dalam aplikasi ini. Ini kerana, BIM sentiasa berkembang dari masa ke semasa dalam industri pembinaan dan pengurusan aset. Aplikasi BIM, kini telah diperluaskan kepada projek-projek yang kompleks dan memerlukan koordinasi rekabentuk yang tinggi. Oleh itu, saya menyeru supaya semua warga kerja JKR memainkan peranan selaku agensi teknikal untuk menyakinkan Kementerian/Agensi Pelanggan untuk menggunakan PAP sedia ada serta kelebihan penggunaan BIM secara menyeluruh. Pegawai-pegawai JKR, terutamanya HOPT perlu memainkan peranan sebagai ‘Duta JKR’, seterusnya menjadi rakan kongsi strategik kepada Kementerian /Agensi Pelanggan dalam mencapai keberhasilan polisi Kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

23. Besar harapan saya supaya berlakunya pengurangan peratusan projek sakit dan saya mensasarkan pada tahun 2021, hanya 10% peratusan bagi projek sakit. Saya juga menggalakkan agar warga kerja JKR dapat menerapkan inovasi dan teknologi baru dalam pembinaan dan menjadi 'pioneer' dalam teknologi pembinaan.

24. Saya juga ingin nyatakan di sini, pada tahun-tahun mendatang supaya kita dapat merencana dan membuat anggaran perbelanjaan sebaik mungkin. Untuk makluman, sehingga 31 Julai 2020, daripada RM2.456 bilion Peruntukan Mengurus, hanya 47.95% telah dibelanjakan. Manakala bagi Peruntukan Pembangunan, hanya 59.76% dibelanjakan dari RM3.787 bilion. Saya mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan supaya dapat merancang perbelanjaan dengan sebaik-baiknya dan diharapkan tiada pemulangan peruntukan kepada Kementerian pada tahun ini.

25. Bagi menambah ilmu pengetahuan, pengalaman dan mengasah kepakaran warga jabatan, JKR juga akan melaksanakan projek bekalan air yang dulunya adalah di bawah JKR. Namun kini projek bekalan air diuruskan sendiri oleh agensi dan kementerian lain walaupun JKR masih mempunyai kepakaran untuk melaksanakan projek tersebut.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN

26. Antara inisiatif jabatan bagi memastikan JKR sentiasa relevan di masa hadapan dan lebih efektif menggalas tanggungjawab sebagai jabatan teknikal utama, saya bercadang untuk memperkenalkan satu cawangan yang baru iaitu Cawangan Forensik JKR.

27. Cawangan Forensik JKR yang akan ditubuhkan ini akan menggabungkan kesemua kepakaran forensik pegawai-pegawai JKR di bawah satu cawangan.

28. Cawangan Forensik JKR ini bertanggungjawab sebagai *first responder* dan *government specialist adviser* untuk mana-mana insiden kecemasan atau kegagalan struktur, infrastruktur serta sistem-sistem sokongan seperti Mekanikal, Elektrikal dan Senibina sedia ada di seluruh negara.

29. Melalui Cawangan Forensik JKR, jabatan dapat melatih dan melahirkan lebih ramai modal insan yang mempunyai kepakaran yang relevan di masa hadapan.

PEMBANGUNAN ORGANISASI DAN SUMBER MANUSIA

30. Dalam usaha memperkukuhkan lagi struktur penempatan warga JKR, Jabatan akan mengkaji Dasar Penempatan sedia ada dan pertukaran /pergerakan pegawai berdasarkan kepada kompetensi Pegawai. Sebagai contoh, Pegawai yang memiliki sijil RPD (Registered Project Director) dan RPM (Registered Project Manager) di lihat sebagai keperluan tambahan di samping kelulusan profesional untuk mengisi jawatan strategik seperti pengarah, JD, HOPT, HODT, SO dan sebagainya. Setakat ini, JKR mempunyai 39 orang RPD dan RPM sahaja.

31. Oleh itu, saya amat menggalakkan dan memberi sokongan sepenuhnya kepada lapisan pegawai supaya meningkatkan kemahiran dan menimba ilmu, menyambung pelajaran sehingga ke peringkat Masters, PHD dan membuat Persijilan Kompetensi JKR serta menghadiri kursus-kursus RPD dan RPM.

32. Jabatan juga amat menyokong Pegawai-pegawai yang memiliki kepakaran untuk mendapatkan pengiktirafan Subject Matter Expert (SME). Baru-baru ini, seramai 13 orang Pegawai JKR telah menerima surat penyampaian kenaikan pangkat Pegawai Pakar Bidang Khusus yang telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pegawai SME JKR yang telah diluluskan kenaikan pangkat ke gred SME. Dengan adanya pengiktirafan seumpama ini, pastinya warga JKR menjadi sumber rujukan utama Kerajaan dalam perkhidmatan kejuruteraan.

33. Daripada sembilan (9) bidang kepakaran dan 17 sub bidang kepakaran yang diluluskan oleh JPA, masih terdapat 3 bidang dan 10 sub bidang yang belum dipenuhi atau diiktiraf pegawai SME untuk bidang tersebut. Melihat kepada kekosongan itu, besar hati saya untuk mencabar pegawai-pegawai JKR yang sedia ada giat berusaha mendapatkan SME dan berani menyahut cabaran ini. Kepada protégé' SME yang telah diiktiraf baru-baru ini, tuan-tuan dan puan-puan perlu menjadikan mentor kalian sebagai pembakar semangat untuk terus menggilap dan mengasah kepakaran dan kepada SME, semoga tuan-tuan dan puan-puan semua boleh membimbing protégé dan warga kerja serta mengharumkan nama Jabatan ke peringkat negara dan antarabangsa.

Para hadirin sekalian,

34. Jabatan dalam perancangan untuk menggalakkan pembangunan kapasiti kepakaran Jurutera/ Arkitek/ Juruukur Bahan muda agar lebih ramai SME dapat diiktiraf dan Kerajaan mendapat manfaat kepakaran untuk tempoh jangka masa yang lebih lama. Justeru, Jabatan bercadang untuk memperluaskan peluang SME bermula di Gred J44. Oleh itu, saya menyeru supaya warga JKR mengambil peluang ini untuk menggilap kemahiran dan kepakaran yang dimiliki dan menjadi Pegawai Pakar Bidang Khusus suatu hari nanti.

35. Melalui SME, Kerajaan mampu menjimatkan kos perbelanjaan menerusi kaedah Value Management (VM) yang dikendalikan oleh pegawai SME di JKR. Sebagai contoh, kos rundingan dalam Projek Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan yang dapat menjimatkan sebanyak RM5.6 juta.

36. Mengambil kesempatan di sini, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan JKR, diketuai oleh SME JKR, yang terlibat dengan pengurusan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

37. JKR telah kehilangan ramai pakar profesional dan pegawai berpengalaman melalui persaraan sama ada bersara wajib atau bersara pilihan. Kehilangan ini jika tidak ditangani akan memberi impak besar kepada JKR sebagai sebuah jabatan teknikal yang unggul dan profesional. Oleh itu, saya amat menyarankan Pegawai Pengurusan dan Profesional untuk memiliki persijilan profesional. Jabatan juga telah mula mengambilkira status persijilan profesional pegawai dalam menentukan kenaikan pangkat serta pengisian jawatan-jawatan strategik.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

38. Jika dirujuk kembali pada tahun 2015 berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Sumber Manusia yang terdahulu, sebanyak 57 pegawai JKR memperolehi pengiktirafan *Professional Qualification* (PQ – Ir, Ar dan Sr), namun pada hari ini, pencapaian PQ setiap pegawai JKR telah mencapai 933 pegawai iaitu peningkatan lebih 15 kali ganda berbanding tahun 2015. Walau bagaimanapun, jumlah ini hanyalah 23.8% dari keseluruhan 3920 pegawai P & P di JKR. Saya amat menggalakkan supaya ramai lagi Pegawai-pegawai JKR untuk berusaha mendapatkan pengiktirafan profesional qualification ini.

39. Kewujudan CREaTE makin dikenali ramai dan merupakan satu 'advantage' kepada Jabatan. Sepertimana kita sedia maklum, CREaTE berperanan sebagai *production house* untuk mengasah bakat dan nilai tambah (*value added*) dalam pengetahuan teknikal kepada semua kakitangan JKR di samping mengurus dan melaksanakan latihan dan pembangunan warga JKR. Oleh itu, kita perlu sama-sama berganding bahu memperkasakan fungsi CREaTE supaya mendapat pengiktirafan sebagai pusat kecemerlangan rujukan teknikal negara.

40. Sebagai usaha untuk merealisasikan CREaTE sebagai pemangkin Pusat Kecemerlangan Teknologi Pembinaan (*Centre of Excellence*), CREaTE perlu dipandu untuk dibangunkan sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D), seterusnya menjadi Pusat Ujian dan *Certification construction material* selari dengan piawaian antarabangsa ISO.

41. Mengambil kesempatan di sini saya juga ini menasihatkan agar warga JKR untuk mengikuti Kursus *Management dan Leadership* kepada pegawai teknikal. Ini amat penting bagi menambah ilmu pengetahuan samada secara teori dan praktikal agar dapat dipraktiskan dalam gerak kerja harian.

42. Suka juga saya maklumkan di sini, bahawa Ketua Pengarah Kerja Raya merupakan Ketua Perkhidmatan Teknikal merangkumi KADER di Kementerian atau Jabatan selain JKR itu sendiri. Memandangkan kita mempunyai satu keluarga yang besar, termasuk saudara-saudara kita yang menjadi KADER di Kementerian-kementerian serta agensi-agensi lain, JKR akan mengkaji cara untuk membantu meningkatkan seterusnya mengekalkan tahap kompetensi semua pegawai dan kakitangan di bawah Ketua Perkhidmatan Teknikal iaitu KPKR.

HARAPAN

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

43. Menyedari *survival* JKR, warga JKR harus berani mencuba atau meneroka perkara baru yang berkait rapat dengan industri pembinaan demi kebaikan jabatan. Ini kerana ukuran Kecemerlangan bukan sahaja mencapai KPI Jabatan semata-mata, tetapi lebih daripada itu.

44. Besar harapan saya agar warga kerja JKR bersikap proaktif dan marilah sama-sama kita mempraktiskan budaya kerja yang positif yakni; kesegeraan, keutamaan dan kesiapsagaan. Warga kerja JKR juga harus mentransformasikan budaya kerja daripada *work hard* kepada *work smart*.

PENUTUP

45. Akhir kata, saya menyeru agar seluruh warga Jabatan bersama-sama menjayakan Visi Jabatan. Ayuh sama-sama kita naikkan nama Jabatan dan bergerak sebagai satu pasukan yang hebat, “berat sama-sama dipikul, ringan sama-sama dijinjing’, “Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat”.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.